



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM)  
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTRAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-79 TAHUN**

- 
1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas gerai-gerai jualan perayaan (bermusim) sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-79 tahun. Dua sesi operasi telah dijalankan:
    - i. Khamis, 17 Julai 2025 dikawasan letak kereta berhadapan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Gerai Makan Tamu Selera; dan
    - ii. Khamis, 28 Ogos 2025 di Dermaga Diraja, *Night Market Place* Yayasan Shopping Kompleks dan di kawasan letak kereta berhadapan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.
  2. Lawatan pemeriksaan mengejut ini merupakan tindakan rutin dalam memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
  3. Hasil daripada tindakan pemeriksaan mengejut pada 17 Julai 2025 dan 28 Ogos 2025 ke atas bangku dan meja gerai makan dan jualan tersebut didapati sebanyak dua puluh lima (25) unit alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perniagaan. Sembilan Belas (19) unit daripadanya gagal mematuhi AKta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang tidak berdaftar. Para pemilik alat sukat dan timbang yang gagal mematuhi akta dan peraturan sukat dan timbang, telah dikeluarkan Notis Peringatan iaitu dikehendaki untuk hadir ke Pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan.
  4. Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.

Hukuman dengan sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu adalah boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.

5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit Sukatan dan Timbang (SDT) melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau melalui talian 238 3142.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Rujukan : (070) KKW/SDT/ENF/04

Tarikh : 23 Rabiulawal 1447 / 16 September 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**INSPECTION VISITS TO FESTIVE STALLS IN CONJUNCTION WITH HIS MAJESTY'S  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 79<sup>TH</sup> BIRTHDAY CELEBRATION**

- 
1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) under the Ministry of Finance and Economy conducted enforcement operations on seasonal festive stalls in conjunction with the celebration of 79<sup>th</sup> Birthday of His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam. Two (2) operations were conducted as follows:
    - i. Thursday, 17 July 2025 - at the parking area in front of Royal Regalia Building and the Tamu Selera Food Stalls; and
    - ii. Thursday, 28 August 2025 - Dermaga Diraja, Night Market Place Yayasan Shopping Complex and at the parking area in front of Royal Regalia Building
  2. The operation was part of a routine enforcement to ensure weights and measures machines used for business activities are registered and verified accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151.
  3. During the operation on the 17<sup>th</sup> July 2025 and 28<sup>th</sup> August 2025, SDT officers found twenty five (25) units of weighing machines used for trading purposes. Of these, nineteen (19) units were found to be non-compliant with Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 for using unregistered instruments. The owners of the equipment have been issued with a Reminder Notice and was required to rectify the issue and present themselves to SDT Unit's Office within seven (7) working days from the date the notice was issued.
  4. As stipulated in the Weights and Measures (Verifications) Regulations, 1994 under section 3 (2); every person who uses or has in his possession for use for trade any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence. The penalty for such offence is as fine of BND1,000.00 or imprisonment for three (3) months or both and instrument for weighing shall be liable to be forfeited and any contract, bargain, sale or dealing made by such weight, measure or instrument for Weighing shall be void.
  5. For any enquiries, the public may contact SDT Unit, IBE via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) or contact at 238 3142.

**-END-**

Prepared by:

Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),  
Ministry of Finance and Economy.

E-mail: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Reference : (070) KKW/SDT/ENF/04  
Date : 23 Rabiulawal 1447 / 16 September 2025

**LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM)  
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTRAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-79 TAHUN**

